



**BINTULU DEVELOPMENT AUTHORITY
(LEMBAGA KEMAJUAN BINTULU)**

Visma Bintulu No. 1, Jalan Tg. Kidurong
Peti Surat 55, 97007 Bintulu, Sarawak
Tel: 086-332011 Faks: 086-332255/336066

Website: <https://www.bda.gov.my>

Email: bda@bda.gov.my Fb & Instagram: @BDAbintulu



TAWARAN PERMOHONAN

LOT-LOT BAZAR RAMADAN 2025 M / 1446 H

Dengan hormatnya dimaklumkan bahawa BDA akan menyediakan **lot-lot jualan** juadah di lokasi berikut sepanjang bulan Ramadan untuk para muslimin / muslimat yang berminat.

TAPAK BAZAR RAMADAN 2025	SAIZ TAPAK	YURAN TAPAK	JUMLAH LOT DITAWARKAN
DATARAN ESPLANADE BINTULU	a) 8ft x 10ft	RM 650.00	98 lot
	b) 16ft x 8 ft	RM 1000.00	39 lot
JUMLAH KESELURUHAN LOT:			137 lot

1. Permohonan boleh dibuat melalui pautan di website BDA atau menggunakan borang permohonan yang boleh didapati dengan secara percuma di **Kaunter Khas (LOBI PERBINDA) Pejabat PERBINDA, BDA, KM 4, Jalan Sultan Iskandar, Bintulu** mulai **13 Januari 2025 jam 0900 pagi sehingga 17 Januari 2025 jam 4.00 petang**.
2. Pemohon yang berminat dikehendaki membaca dengan teliti syarat-syarat Permohonan terlebih dahulu sebelum mengambil & mengisi borang permohonan Lot Niaga Bazar Ramadan 2025.
3. Borang yang lengkap diisi hendaklah dihantar dengan kadar segera ke Pejabat PERBINDA, Bilik Mesyuarat 102 sebelum atau pada **17 Januari 2025**.
4. Bagi permohonan yang dibuat melalui pautan di website, dokumen sokongan perlu dihantar ke Pejabat PERBINDA, Bilik Mesyuarat 102 sebelum atau pada **17 Januari 2025 jam 4.00 petang**.

SYARAT-SYARAT PERMOHONAN

1. Pemohon mestilah seorang pemastautin / penduduk Negeri Sarawak dan warganegara Malaysia yang berumur 18 tahun dan ke atas.
2. Bebas tunggakan kompaun Lembaga Kemajuan Bintulu.
3. Bebas tunggakan lesen / permit niaga di premis milik Lembaga Kemajuan Bintulu.
4. Pemohon (suami/isteri) hanya dibenarkan memohon satu lot/petak jualan sahaja.
5. Permohonan adalah berdasarkan “**First Come, First Serve**”. Pemohon yang melengkapkan semua dokumen yang diperlukan mempunyai keutamaan untuk memilih lot jualan dan membuat bayaran setelah memilih lot.
6. Pembayaran boleh dibuat melalui aplikasi Sarawak Pay atau secara tunai.
7. Kebersihan bazaar ramadan adalah tanggungjawab bersama. Sekiranya terdapat mana-mana gerai yang tidak menjaga kebersihan, penyewa gerai akan disenarai hitam dan tidak akan dipertimbangkan untuk memohon gerai atau permit di BDA.
8. Pemohon perlu mengemukakan dokumen-dokumen seperti berikut:
 - 8.1 Gambar berukuran passport pemohon dan pembantu gerai
 - 8.2 Salinan Kad Pengenalan pemohon dan pembantu gerai
 - 8.3 Salinan Sijil Kursus Pengendalian Makanan pemohon dan pembantu gerai
 - 8.4 Salinan Rekod Suntikan Tipiod yang masih sah pemohon dan pembantu gerai

SYARAT DAN PERATURAN DI TAPAK BAZAR RAMADAN 2025

1. Tempoh dan Waktu Berniaga di Tapak Bazar Ramadan

Sepanjang bulan Ramadan mulai *02 Mac 2025 hingga *30 Mac 2025 dari jam 10:00 pagi hingga 08:00 malam.

2. Lot Niaga dan Jenis Jualan

2.1 Peniaga dikehendaki menjalankan perniagaan sendiri di tapak dan kawasan yang telah ditetapkan sahaja.

2.2 Hanya perniagaan berasaskan **makanan, minuman** serta apa-apa jualan **barangan** yang tidak melanggar undang-undang.

2.3 Peniaga tidak dibenarkan membuat **tambahan khemah** atau sambungan lain yang boleh menimbulkan **kacau ganggu** kepada orang awam tanpa kebenaran BDA.

3. Persiapan Lot Niaga

3.1 Peniaga hanya dibenarkan membawa masuk kanopi, meja dan gerai ke Tapak Bazar Ramadan pada **27 dan 28 Februari 2025**. Manakala peniaga perlu memindah keluar kanopi, meja dan gerai sebelum atau pada **30 Mac 2025** selepas jam 10:00 malam.

4. Kebersihan diri

4.1 Semua peniaga termasuk pengendali makanan dan pembantu **DIWAJIBKAN** terlebih dahulu menjalani **Pemeriksaan Kesihatan** dan mengikuti **Kursus Latihan Pengendali Makanan** serta mengambil **suntikan Anti Tifoid sebelum** dibenarkan menjalankan perniagaan.

4.2 Peniaga dan pembantu gerai khasnya untuk pengendali makanan dan minuman **DIWAJIBKAN** menggunakan apron yang bersih, penutup kepala dan pakaian yang bersih semasa menjalankan perniagaan.

4.3 Peniaga dan pembantu mesti menjaga kebersihan diri – tangan perlu bersih, kuku pendek dan tiada luka pada tangan.

5. Kebersihan Makanan

5.1 Diwajibkan menggunakan penyepit untuk mengambil makanan dan kiub ais.

5.2 Semua makanan yang dijual mestilah ditutup dengan plastik yang bersih atau disimpan dalam 'Show Case'

5.3 Penggunaan bongkah ais yang besar **TIDAK DIBENARKAN** bagi penyediaan air minuman.

5.4 Peniaga adalah digalakkan menggunakan **DAPUR PANGGANG** yang sesuai dan diluluskan oleh penganjur.

6. Kelestarian Alam Sekitar

Peniaga **DILARANG** menggunakan **Polistrene (Styrofoam)** untuk membekalkan makanan dan minuman kepada pengguna. **Beg Plastik sekali guna** juga adalah **TIDAK DIGALAKAN**. Peniaga adalah digalakkan menggunakan bekas berasaskan kertas atau Biodegradable.

SYARAT DAN PERATURAN DI TAPAK BAZAR RAMADAN 2025

7. Kebersihan Kawasan Sekeliling Lot Niaga

- 7.1 Semua peniaga mestilah menyediakan **tong sampah** yang bertudung di lot niaga sendiri.
- 7.2 Kebersihan gerai serta kawasan sekeliling mestilah dijaga pada setiap masa dan bebas dari sampah- sarap, sisa-sisa makanan, sisa minyak masak, lalat, lipas dan tikus.
- 7.3 Setiap peniaga mestilah membersihkan gerai sendiri setiap hari selepas berniaga.
- 7.4 Semua peniaga dilarang membuang sisa-sisa makanan, sisa minyak, arang, dan sampah ke dalam parit yang berdekatan

8. Setiap penjaja di Tapak Bazar Ramadan **MESTI** mempamerkan tanda harga pada setiap jenis barangan jualan mereka.

9. Penyambungan bekalan elektrik secara haram adalah **TIDAK DIBENARKAN** kecuali dengan kebenaran pihak BDA, demi keselamatan penjaja dan pengguna lain.

10. Semua peniaga mesti menjaga keselamatan peralatan dan barangan perniagaan mereka sendiri dan pihak Jawatankuasa Penganjur Bazar Ramadan Bintulu **tidak bertanggungjawab** ke atas peralatan dan barangan perniagaan mereka yang rosak atau hilang.

11. Semua perniagaan yang dijalankan di tapak Bazar Ramadan sepanjang bulan Ramadan adalah tertakluk kepada peraturan-peraturan dan Undang-undang BDA dan agensi kerajaan yang berkaitan.

12. Penalti

12.1 **Kegagalan** mematuhi mana-mana syarat diatas, pihak penganjur akan mengambil tindakan seperti mengeluarkan **notis amaran, kompaun** serta **merampas/menyita barangan** yang terlibat. Selain itu, pihak penganjur akan **menyenarai hitam nama penjaja** daripada penyertaan pada masa akan datang

13. Pihak Penganjur berhak meminda syarat-syarat diatas tanpa sebarang notis.


Dengan ini, saya telah membaca dan memahami syarat-syarat yang telah dikenakan.

Tandatangan Pemohon;

Nama: _____

No. Kad Pengenalan: _____

Tarikh:.....



- 1 16 ft x 8 ft = 39 lot
- 2 8 ft x 10 ft = 98 lot
- 137 lot

Pintu Gerbang

JALAN MAIN BAZAR